

**PEMAKLUMAN TERKINI URUSAN DI UNIT PENDAFTARAN, PEJABAT  
DAERAH/ TANAH KLANG**

**1. Pengenalan**

Pemakluman urusan terkini di Kaunter Unit Pendaftaran, Pejabat Daerah/ Tanah Klang (PDTK) ini dibuat untuk melancarkan proses dan memudahkan urusan urusniaga dan bukanurus niaga di PDTK.

**2. Objektif**

- a. untuk mencegah penipuan atau urusniaga yang tak patut; dan
- b. menyediakan perkhidmatan yang memudahkan dan menjimatkan masa.

**3. Soalan Lazim (FAQ)**

**a. Adakah semua permohonan Surat Ikatan Amanah (*PNPA*) ditangguhkan?**

Tidak. Permohonan bagi mendaftarkan Surat Ikatan Amanah (*PNPA*) hanya ditangguhkan untuk hakmilik Daerah Klang dengan syarat nyata Pertanian sahaja sehingga diberitahu kelak.

**b. Surat Kuasa Wakil (*PA*) apakah yang perlu didaftarkan semula?**

Surat Kuasa Wakil (*PA*) bagi pemegang gadaian yang didaftarkan di dalam Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB), PDTK.

**c. Berapakah tempoh sah laku Surat Kuasa Wakil (*PA*) yang didaftarkan ke dalam SPTB, PDTK?**

Tempoh sah laku Surat Kuasa Wakil (*PA*) yang didaftarkan ke dalam SPTB, PDTK adalah tertakluk kepada terma-terma yang telah dimeterai pada Surat Kuasa Wakil (*PA*) itu sendiri. Walau bagaimanapun, Surat Kuasa Wakil (*PA*) yang telah didaftarkan ke dalam SPTB, PDTK pada 1 Januari 2014 dan sebelum (contoh No. PT 215/2014) perlu didaftarkan semula ke dalam SPTB, PDTK melalui Kaunter Unit Pendaftaran untuk mendapatkan nombor Surat Kuasa Wakil (*PA*) yang baharu.

**d. Bagaimana dengan Surat Kuasa Wakil yang tidak boleh dibatalkan (*Irrevocable PA*)?**

Surat Kuasa Wakil tidak perlu dimeterai semula. Pihak pemilik gadaian hanya dikehendaki untuk memperbaharui pendaftaran ke dalam SPTB, PDTK menggunakan Surat Kuasa Wakil (*PA*) yang asal.

**e. Bagaimanakah cara untuk membuat pendaftaran semula tersebut?**

Pihak pemegang gadaian perlu membuat pendaftaran semula Surat Kuasa Wakil (*PA*) tersebut di Kaunter Unit Pendaftaran, PDTK dengan mengemukakan:

- i. Surat Kuasa Wakil (*PA*) yang telah dimeterai dan didaftarkan di Mahkamah (asal dan salinan);
- ii. Salinan Kad Pengenalan pemegang Surat Kuasa Wakil (*PA*); dan
- iii. Surat iringan pemegang gadaian yang mengesahkan penjawatan pemegang Surat Kuasa Wakil (*PA*).

**f. Adakah terdapat sebarang bayaran dikenakan untuk pendaftaran semula tersebut?**

Pendaftaran Surat Kuasa Wakil (*PA*) bagi pemegang gadaian akan dikenakan bayaran sebanyak RM100.00 bagi setiap Surat Kuasa Wakil (*PA*).

**g. Bagaimana jika Pemberi/ Penjual dan Penerima/ Pembeli tidak menggunakan Borang 14A rujukan N.L.C.22A-Pin.3/2017?**

Pemberi/ Penjual dan Penerima/ Pembeli dikehendaki untuk membuat pindaan seperti yang tercatat di Borang 14A rujukan N.L.C.22A-Pin.3/2017 sebelum membuat perserahan di Kaunter Unit Pendaftaran, PDTK.

Unit Pendaftaran,  
Pejabat Daerah/ Tanah Klang  
17 Ogos 2020